

31/10/1999

Pendedahan bantu rakyat fahami isu pemecatan

PASIR MAS: Pendedahan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai kira-kira 20 akaun induk bernilai RM3 bilion untuk mencapai cita-cita politiknya membantu rakyat memahami kenapa kerajaan memecat bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata walaupun pendedahan itu agak lewat, ia dapat memberi penjelasan perkara sebenar tujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil tindakan terhadap timbalannya.

"Saya cukup terperanjat dengan pendedahan ini. Malangnya ia agak terlewat iaitu sesudah hampir lebih setahun Anwar dipecat. Kalau pendedahan ini dibuat awal sudah tentu ia dapat bantu rakyat memahami kenapa Dr Mahathir berbuat demikian.

"Bagaimanapun, dengan pendedahan ini saya yakin dapat membantu rakyat memahami pergolakan membabitkan pemimpin nombor dua negara di mana isu ini bukan isu peribadi tetapi kepentingan negara.

"Tindakan yang lakukan Perdana Menteri ini pun atas dasar kepentingan negara bukan kerana peribadi," katanya kepada pemberita selepas majlis Titian Kasih Puspanita Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Mas/Tumpat di Sekolah Kebangsaan Pasir Pekan, dekat sini, semalam.

Ibrahim berkata, agak mengejutkan apabila Anwar sepanjang memegang Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan secara senyap-senyap membiayai Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) yang diketuai bekas pengarah kanan Majlis Keselamatan Nasional Amerika Syarikat.

"Kalau lihat pada jawatan orang yang memegang agensi berkenaan kita tak boleh mengelak sama sekali atau kemungkinan pembabitan pihak CIA sebab ia adalah seorang pegawai keselamatan dari sebuah negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

"Ini cukup memeranjatkan rakyat negara ini. Saya memang tak terfikir Anwar boleh bertindak sedemikian yang mungkin sukar untuk dipercayai," katanya.

"Bagaimanapun, saya bagi pihak rakyat berterima kasih kepada Abdul Murad kerana membuat pendedahan ini demi keselamatan negara dan jelaslah menunjukkan kepada kita siapakah sebenarnya Anwar ini," katanya.

(END)